

BAHASA MELAYU

Bahasa Alat Kedaulatan Jiwa Dan Tenaga Bangsa

Bahasa adalah merupakan satu alat untuk mengeluarkan atau menghubungkan tali perasaan antara seorang dengan yang lain. Dengan adanya bahasa sebagai alat pengantar itu dapatlah diketahui segala perasaan bisikan jiwanya, dengan dikeluarkannya menerusi alam suara yang penuh bermakna. Seseorang yang sudah rosak alat pengantarnya, maka putuslah satu daripada perhubungan yang rapat dan erat dengan sesama manusia lain. Umpamanya jika ia bisu, ia hanya boleh memahami sesuatu tujuan atau maksud dengan alam perbuatan. Itupun maksud yang ertinya mendalam sangat payah, bahkan tidak boleh difahaminya. Dan perasaan jiwanya kerap tidak dapat diketahui orang lain – kerana alat yang melahirkan tujuan jiwanya salah, tegasnya sudah rosak. Sebab itu tak dapat tiada salah jugalah fahaman yang diterima oleh orang lain. Walaupun perkataan yang dikeluarkannya kuat, jelas kedengaran, tetapi tidak punya makna ertinya tidak ada bahasa.

(oleh: Yusuf Yunos)

Bahasa sesuatu bangsa itu adalah hak milik pusaknya. Andainya bahasanya terceroboh, maka tercerobohlah kehormatan bangsanya. Bangsa Melayu terhitung satu bangsa yang megah, baik dari segi apa juga mengikut aliran sejarah. Pernah di satu masa dahulu, bahasa Melayu menjadi bahasa perantaraan kaum-kaum perniagaan, walau apa bangsa sekalipun di alam Melayu ini. Bersama-sama dengan sinaran kebesaran Kerajaan Melayu Melaka dan Srivijaya di Majapahit. Sejarah tidak menafikan betapa besarnya kedaulatan bahasa Melayu dengan bangsanya dikala itu. Silat Melaka menjadi air penyiram kesuburan bahasa Melayu, dengan membawa berbagai-bagai bangsa dan agama untuk mengenalkan bahasa Melayu.

Dalam meninjau perkembangan bahasa Melayu, dapatlah

kita memastikan pesatnya perjalanan dan perkembangannya, namun begitu bahasa Melayu tetap juga maju, dengan tidak dapat ditahan-tahan, bahkan lebih besar segera bangkit berdiri sebagai bahasa perantaraan sepertimana di zaman kemegahan empayar-empayar Melayu di seluruh alam Melayu – manakala dengan terdirinya pemerintahan Republik Indonesia Merdeka dan mengambil tempat bahasa Melayu menjadi bahasa rasminya, perantaraan rakyat dengan pemerintah dan sebaliknya. Walaupun di zaman kolonial Belanda terpisah bahasa bangsanya, itu tidak mendatangkan kehairanan, kerana alat penjajah mengekalkan kukunya untuk mencengkam – dipisah-pisahkan dulu atau dipecah-pecahkan dulu di kalangan rakyat, kemudian baharu dijalankan sistem-sistemnya.

Tidaklah nasib bahasa Melayu begitu di Indonesia

sahaja, bahkan di Malaya juga bahasa Melayu mendapat penguburan daripada kolonial Inggeris. Sejak dari mulanya kerajaan Inggeris menerima kuasa daripada Raja-raja Melayu untuk mencampuri pemerintahan negeri ini, maka kerajaan Inggeris telah memulakan sistem-sistemnya bagi memisahkan di antara kaum pemerintah dengan rakyat. Baik bangsa Melayu dengan sesama Melayu, apalagi kalau bangsa Inggeris dengan Melayu. Di kala itu terjadilah dua golongan: Golongan pertama ialah golongan penjajah yang disokong oleh orang-orang Melayu sendiri dengan mendewa-dewakan bahasa dagang baharu, tegasnya bahasa Inggeris. Dan segolongan lagi ialah puak kaum rakyat jelata yang kena jajah dengan menanggung berbagai-bagai kesusahan dan penderitaan kesempitan hidup.

Jadi jelaslah sudah berpecah kepada dua golongan masyarakat daripada satu bangsa Melayu akibat tekanan penjajahan. Masyarakat yang pertama daripada rakyat jelata dengan hanya tahu bahasa ibu kandung dan satu lagi daripada orang-orang Melayu yang mengetahui bahasa penjajah. Dengan bahasa Inggerislah mereka menjalankan gerak langkah menindas rakyat jelata.

Dalam usaha kaum penjajahan itu, untuk melenyapkan bahasa Melayu, walaupun ada segolongan kecil daripada rakyat yang bijak mengetahui akan erti ataupun selok-belok yang dijalankan oleh puak penjajah itu, bagi menghapuskan bahasa dan bangsa Melayu dari alam persuratan dunia, tetapi pada mereka tidak mau membuat apa-apa tindakan balas terhadap kekuasaan kolonial tersebut, kerana diri mereka disuap oleh serba kemewahan dan kesenangan hidup. Perjalanan masyarakat yang beranca-banca ini hinggalah selepas Peperangan Dunia

yang kedua. Orang-orang Melayu belum cukup sedar lagi bahawa kedaulatan bahasanya telah tercabul. Hanya sejumlah kecil sahaja yang baharu nampak akan peredaran itu berlalu. Dengan tak bertanggung lagi cuba pula menegakkan semula kedaulatan bahasa Melayu yang hampir-hampir terbenam itu. Menjadikan bahasanya, bahasa Persatuan Anak Negeri Penduduk Persekutuan yang terdiri dari berbagai-bagai bangsa, agama dan adat istiadat, membawakan bahasa Melayu ke tempatnya yang sediakala, sebagai bahasa pertuturan yang utama, tegasnya bahasa kebangsaan.

Pada melaksanakan cita-cita bahasa Melayu berkembang biak di seluruh Kepulauan Melayu, seperti di suatu saat dahulu kala, saat empayar Melayu menguasai alam Melayu, maka tidak sedikit sokongan daripada orang-orang Melayu yang mengasihi pusakanya. Hak-hak asasi ibu pertiwinya, dan buktinya telah, kalau pun tak dikatakan sepenuh, kadar separuh patut diberinya kepercayaan kepada mereka, melihat kepada sumbangan-sumbangan baik daripada harta benda, tenaga atau pun yang berupa fikiran; azam-azam sejati itu patut masyarakat orang-orang Melayu yang masih was-was, atau kurang yakin lagi. Maka dengan segera dipinta supaya membaharui tekad mereka, agar kedaulatan bangsa dan bahasa tercipta sepenuh hasrat.

Tetapi bagi mereka yang berjiwa anak kandung penjajah, yang masih mendewa-dewa bahasa Inggeris, yang juga pendiriannya masih memuja-muja Barat, sudah tentu tiada menaruh kepercayaan langsung di atas ketinggian bahasanya. Oleh kerana itulah mereka ragu-ragu dengan pemakaian bahasa Melayu, walaupun bahasa ibu kandung sendiri. Dan sebab itulah juga mereka terus mengambil langkah menekan perjuangan rakyat yang suci. Mereka hendak

menegakkan kesucian penjajah tempat bergantung tapak kehidupan mereka. Inilah yang paling susah pada orang-orang Melayu untuk mengikis semangat-semangat tersebut, hingga mereka tidak sedar, walaupun sudah sedar tetapi mengeraskan hati lalu berbangga-bangga bertutur dengan bahasa penjajah.

Di dalam negara kita yang baharu mencapai taraf berkerajaan sendiri ini, bahasa kebangsaan di dalamnya adalah kekuatan tenaga bangsanya. Tidak ada alat lain, atau pun suatu kekuatan lain kepada kita, tegasnya bangsa yang merdeka, selagi bahasanya terkubur dan dijajah, untuk melahirkan kemahuan hidup yang penuh kemajuan, kedaulatan dan rasa jiwa bangsanya.

Di sinilah letaknya nilai ketinggian bahasa sesuatu bangsa.

Demikianlah bahasa Melayu terpelihara sebagai bahasa kebangsaan di Persekutuan Tanah Melayu Merdeka. Buat menyatukan segala penduduk-penduduknya dari berbagai-bagai rupa bangsa kepada satu fahaman dan tujuan. Alat untuk mengucapkan perasaan dan fikiran orang-orang di Persekutuan – dengan tidak mengira lapisan masyarakat mana sekalipun.

Pada umum diketahui, bahawa Tanah Melayu adalah mencatatkan negeri di alam Melayu yang ketiga mencapai kemerdekaan, iaitu selepas Filipina dan Indonesia. Melihat kepada tempat menyuburkan semula dengan tuan punyanya adalah sudah lebih dari ratusan juta jiwa memakai bahasa Melayu. Sepatutnya tidaklah boleh kita memandang bahasa Melayu sebagai bahasa dagang lagi. Wajiblah bagi kita, terutama orang-orang Melayu, menempatkan kedaulatan umum bangsa Melayu ke seluruh dunia, supaya duduk sama

rendah dan berdiri sama tinggi dengan bangsa-bangsa di dunia.

Dalam taraf yang sebegini rupa pada tanah air kita, setelah kemerdekaan terdapat, perluasan bahasa Melayu masih juga tertekan. Kalau tidak dikatakan semua, maka separuh terjajah masih ada. Kerana pihak pemerintah merasa ragu pada melaksanakan kemahuan-kemahuan rakyat, khasnya orang-orang Melayu. Ragu pada pergerakan persekolahan, pejabat-pejabat dan lain-lain sungguhpun nama bahasa Melayu sudah diumumkan sebagai bahasa kebangsaan, tetapi tidak akan jelas kenyataan yang memberi bukti bahawa kedaulatan bangsa Melayu tercabul sepenuh cita – selagi kehormatan bahasanya sebagai bahasa kebangsaan tidak dihormati oleh seluruh jiwa.

Memandang kepada perkembangan kebudayaan nasional, di dalam memperluaskan pemakaian bahasa Melayu, kita harus sangat-sangat menitik berat terutama orang-orang Melayu dan bahasanya. Pihak pemerintah pula kita harap dapat menyusul gerak langkah yang teratur dan disusun oleh pendukung-pendukungnya. Kepada Kongres Kebudayaan yang baharu berlangsung adalah satu-satunya pendukung kebudayaan nasional yang mengambil peranan yang amat besar dan tugas ini juga terlalu berat, bagi mengembalikan kedaulatan bahasa dan bangsa Melayu, dengan mengikut aliran seni sastera dan kebudayaan.

Dan tanggungjawab sedemikian rupa, tidak kurang perlunya daripada pihak pemancar radio. Kita berharap pihak tersebut tidak ketinggalan menyumbangkan kebaktian terhadap bahasa dan bangsanya. Seperti ruangan medan bahasa dan sebagainya yang mengenai perkembangan pemakaian bahasa kebangsaan di radio itu diperluaskan lagi, terutamanya di dalam rancangan-rancangan asing, iaitu pada

rancangan kaum Cina dan Tamil. Kerana radio adalah mempunyai pengaruh besar di dalam lapangan hidup manusia di masa ini.

Satu cabang bagi mengkaji pengajian Melayu, terutama untuk meluaskan atau mengembangkan perbendaharaan bahasa Melayu, menambahkan yang mana kurang dan memupukkan yang mana longgar, supaya bahasa Melayu bertambah-tambah kembang luas dan kaya, menyamai dengan bahasa-bahasa asing. Dalam hal ini pihak kerajaan mestilah menambah lagi usaha-usuhnya sebagai cabang atau pecahan-pecahan daripada Dewan Bahasa dan Pustaka, yang terajunya dipegang oleh seorang yang cintakan bahasa dan bangsanya, dipilih yang berjiwa jujur dan

ikhlas. Usaha-usaha yang sebegini merupakan usaha-usaha yang paling besar bagi melaksanakan cita-cita asal.

Demikianlah sepintas lalu perkembangan bahasa Melayu setelah melalui berbagai rintangan dan halangan, kerana sistem-sistem kuasa kolonial memisahkan bangsa dengan bahasa anak negeri yang mereka takluki. Andainya sesuatu bahasa pada sesuatu bangsa sudah tenggelam, maka sudah pasti bangsa itu akan lenyap di perkuburan penjajahan dan akan mendapat satu kacukan baharu pula baik bahasa dan bangsanya. Nyatalah dengan begitu bahasa tidak boleh dipisah-pisahkan dengan bangsanya, kerana bahasa alat kedaulatan jiwa dan tenaga kekuatan bangsa.



Pemandangan dalam suatu majlis syarahan di Masjid Wak Tanjung, Singapura. Pensyarahnya:

Kiyai Abdullah al-Shāfi ī